



Memasak Itu Mudah



Maklumat Bahan

PENGARANG

ROHAYATI BAKRI

PENERBIT

PTS MILLENNIA SDN BHD.

TEMPAT TERBIT DAN TAHUN TERBIT

TAMAN PERINDUSTIRIAN BATU
CAVES, SELANGOR PADA TAHUN
2009

ISBN

978 083 3603 61 9

HARGA

RM15.90

BILANGAN MUKA SURAT

235



MASAKAN IBU ADALAH YANG PALING SEDAP

Itulah ungkapan dahulu yang kita selalu dengar dari anak-anak yang kecil mahupun yang besar.

Keadaan sekarang mungkin berbeza kerana rata-rata ibu yang bekerja tidak memasak, sebaliknya mereka banyak membeli makanan yang sedia dimakan. Kebanyakan mereka hanya memasak pada hujung minggu .

Memasak Itu Mudah

Memasak adalah aktiviti yang menyeronokkan kerana hasil daripada aktiviti ini, dapat menikmati masakan yang dimasak sendiri. Apabila kita diberi peluang menyediakan hidangan untuk keluarga, kita akan mengalami satu kepuasan apabila hasil tangan kita dimakan dengan selera dan mendapat pujian. Minat memasak yang dipupuk dari kecil lagi menjadikan kita lebih bersedia apabila meningkat remaja dan dewasa. In Syaa Allah kita lebih yakin untuk menyediakan makanan.



Makanan adalah keperluan

Badan memerlukan tenaga seperti protein, vitamin dan mineral bagi mengekalkan fungsinya. Sumber makanan boleh didapati daripada buah-buahan dan tumbuh mentah. Ada juga makanan yang perlu dimasak supaya makanan menjadi lebih lazat sebelum menikmatinya.



“

Peluang kerja.


Bidang memasak ini luas, Beberapa jenis pekerjaan dapat diceburi dengan memasak, seperti menjadi chef, menguruskan bisnes katering dan perunding masakan. Seseorang chef dapat berbakti kepada masyarakat dengan menyediakan pelbagai menu yang lazat di samping dapat dijadikan sumber rezeki yang halal bagi menampung keperluan keluarga.



Menjamin Kualiti Makanan

- Sebelum memasak perlu prihatin mengenai kebersihan, mutu bahan mentah, cara memasak dengan betul dan cara penyimpanan yang selamat untuk menghasilkan makanan yang sihat, bersih, berkhasiat dan berkualiti.

Cuba kita bayangkan betapa besarnya pahala yang akan diperolehi kerana memasak makanan bersih dan berkhasiat boleh menyebabkan orang yang memakannya sihat dan seterusnya mudah beribadah.



Memikat Hati Yang Disayangi

“Pikat suami melalui perutnya”

Ada betulnya dalam kata itu, setiap isteri berusaha untuk mempelajari masakan yang digemari oleh suami dari ibu mertua.

Begitu juga kita sentiasa teringatkan masakan ibu kerana sejak kecil kita sentiasa disajikan makanan dari “**air tangan ibu**”. Walau sejauh mana kita pergi masakan itulah yang menjadi idaman kita.

Tidak sia-sia usaha seandainya kita bersungguh sungguh meningkatkan kemahiran dalam memasak kerana ia adalah aset ataupun senjata yang dapat membantu dalam usaha memikat orang yang tersayang.



RESEPI ASA MEMASAK

PERSEDIAAN AWAL

- Motivasi diri
- Pelajari skil dan teknik memasak
- Kenal pasti resepi dan petua memasak yang menarik

CARA-CARANYA

- Mula dengan fikiran yang positif
- Atasi rintangan dengan perancangan
- Atasi kekurangan diri dengan praktis





**SEKIAN ,
TERIMA KASIH**